



JABATAN LAUT MALAYSIA
BAHAGIAN PENDAFTARAN KAPAL

GARIS PANDUAN PENGGUNA BAGI SIJIL PERAKUAN INSURAN KAPAL (CLC, BCC & WRC)

Oktober 2020



JABATAN LAUT MALAYSIA

GARIS PANDUAN PENGGUNA BAGI SIJIL PERAKUAN INSURAN KAPAL

TARIKH KEMASKINI : OKTOBER 2020

1. PENGENALAN

1.1 THE INTERNATIONAL CONVENTION ON CIVIL LIABILITY FOR OIL POLLUTION DAMAGE 1992 (CLC 1992)

CLC 1992 merupakan konvensyen antarabangsa yang diterima pakai oleh Malaysia pada 9 Jun 2005. Konvensyen ini terpakai terhadap sebarang kerosakan pencemaran disebabkan oleh tumpahan minyak (*persistent oil*) dari kapal tangki.

1.2 THE INTERNATIONAL CONVENTION ON CIVIL LIABILITY FOR BUNKER POLLUTION DAMAGE 2001 (BCC 2001)

BCC 2001 merupakan konvensyen antarabangsa yang diterima pakai oleh Malaysia pada 12 Februari 2009. Konvensyen ini terpakai terhadap sebarang kerosakan pencemaran disebabkan oleh minyak bunker dari kapal atau berasal dari kapal.

1.3 THE NAIROBI INTERNATIONAL CONVENTION ON THE REMOVAL OF WRECKS (NAIROBI CONVENTION) 2007 (WRC 2007)


WRC 2007 merupakan konvensyen antarabangsa yang diterima pakai oleh Malaysia pada 14 April 2015.

2. KEPERLUAN PEMATUHAN

2.1 CLC 1992

Berdasarkan konvensyen CLC 1992, JLM boleh mengeluarkan Sijil Perakuan Insuran Kapal untuk kapal seperti berikut :

- a. Kapal tangki minyak yang membawa muatan kargo melebihi 2000 tan.
(Nota: FSO, FPSO dan FSU dikecualikan daripada keperluan ini)
- b. Kapal tangki minyak yang membawa kargo jenis *persistent oil* seperti *heavy grade oil*, *fuel oil* dll.
(Nota: kapal yang membawa kargo jenis *non-persistent oil* seperti petrol, minyak diesel ringan, minyak tanah, LNG dan LPG dikecualikan dari sijil perakuan CLC 1992)
- c. Kapal tangki minyak yang berdaftar di bawah bendera Malaysia yang beroperasi dalam perairan Malaysia dan antarabangsa.
- d. Kapal tangki minyak yang berdaftar di bawah bendera asing.

	JABATAN LAUT MALAYSIA
	GARIS PANDUAN PENGGUNA BAGI SIJIL PERAKUAN INSURAN KAPAL
	TARIKH KEMASKINI : OKTOBER 2020

2.2 BCC 2001

Berdasarkan konvensyen BCC 2001, JLM boleh mengeluarkan Sijil Perakuan Insuran Kapal untuk kapal seperti berikut :

- a. Kapal yang mempunyai tanan kasar (GT) 1000 dan ke atas.
- b. Kapal yang berdaftar di bawah bendera Malaysia yang beroperasi dalam perairan Malaysia dan antarabangsa.
- c. Kapal yang berdaftar di bawah bendera asing.

2.3 WRC 2007


Berdasarkan konvensyen WRC 2007, JLM boleh mengeluarkan Sijil Perakuan Insuran Kapal untuk kapal seperti berikut :

- a. Kapal yang mempunyai tanan kasar (GT) 300 dan ke atas.
- b. Kapal yang berdaftar di bawah bendera Malaysia yang beroperasi dalam perairan Malaysia dan antarabangsa.
- c. Kapal yang berdaftar di bawah bendera asing.

3. RUJUKAN

Rujukan boleh dibuat kepada :

1. Notis Perkapalan Malaysia (NPM) 05/2020.
2. Akta Perkapalan Saudagar (Liabiliti dan Pampasan bagi Pencemaran Minyak dan Minyak Bunker) 1994.
3. Peraturan-peraturan Perkapalan Saudagar (Pencemaran Minyak) (Insurans Wajib)(Pindaan) 2005.
4. Artikel 7 Konvensyen Antarabangsa mengenai Liabiliti Sivil bagi Kerosakan Pencemaran Minyak Bunker, 2001.
5. Seksyen 381A, Ordinan Perkapalan Saudagar 1952.

	JABATAN LAUT MALAYSIA
	GARIS PANDUAN PENGGUNA BAGI SIJIL PERAKUAN INSURAN KAPAL
	TARIKH KEMASKINI : OKTOBER 2020

6. Artikel 12 The Nairobi International Convention on the Removal of Wrecks, (Nairobi Convention) 2007.

4. KAEDAH PERMOHONAN

Permohonan untuk Sijil Perakuan Insuran Kapal perlu dikemukakan secara dalam talian di <http://marine32.marine.gov.my/CLCBCC/ULogin.aspx>

4.1 Jadual Fi

4.1.1 CLC 1992

Kapal bendera Malaysia : RM 100.00
Kapal bendera Luar Negara : RM 100.00

4.1.2 BCC 2001

Kapal bendera Malaysia : RM 100.00
Kapal bendera Luar Negara : RM 400.00

4.1.3 WRC 2007


Tiada bayaran dikenakan.

4.2 Permohonan ID Pengguna dan Katalaluan

4.2.1 Pemohon mengemukakan permohonan melalui portal Sistem Perakuan Insuran Kapal (SPIK) (<http://marine32.marine.gov.my/CLCBCC/SignUp.aspx>) dengan memuatnaik dokumen-dokumen sokongan (surat permohonan dan surat perlantikan pegawai yang diberi kuasa oleh pemilik/syarikat kapal) untuk semakan dan kelulusan BPK.

4.2.2 Alamat emel yang didaftarkan akan digunakan sebagai ID Pengguna bagi mengakses SPIK kelak. Pendaftaran ID Pengguna adalah secara sistem dan permohonan yang berjaya akan dimaklumkan melalui emel daripada donotreply@marine.gov.my.

4.2.3 Pemohon hendaklah memastikan alamat emel yang didaftarkan di dalam emel / borang permohonan dapat dibaca dengan baik. Jika pihak pengurusan dan pengguna tidak mendapat sebarang maklumbalas atau tidak menerima emel yang dinyatakan seperti di atas, sila hubungi pihak Bahagian Pendaftaran Kapal melalui emel registry@marine.gov.my.

	JABATAN LAUT MALAYSIA
	GARIS PANDUAN PENGGUNA BAGI SIJIL PERAKUAN INSURAN KAPAL
	TARIKH KEMASKINI : OKTOBER 2020

4.3 Permohonan Sijil Perakuan Insuran Kapal

Pemohon mengakses sistem menggunakan ID Pengguna dan Katalaluan. Isi maklumat lengkap dan memuatnaik salinan dokumen yang berikut :

- Surat rasmi syarikat pemohon.
- Sijil Pendaftaran Kapal.
- Polisi Insuran (*Blue Card*) CLC 1992 / BCC 2001 / WRC 2007.

4.4 Permohonan Penggantian Sijil Perakuan Insuran Kapal

Permohonan penggantian boleh dibuat kepada BPK melalui emel.

4.5 Piagam Pelanggan

Memproses dan mengeluarkan Sijil Perakuan Insuran Kapal dalam tempoh 3 hari bekerja selepas permohonan lengkap diterima.




JABATAN LAUT MALAYSIA

GARIS PANDUAN PENGGUNA BAGI SIJIL PERAKUAN INSURAN KAPAL

TARIKH KEMASKINI : OKTOBER 2020

4.6 Carta Alir Permohonan



Jabatan Laut Malaysia akan menyemak maklumat yang dikemukakan, walau bagaimanapun adalah menjadi tanggungjawab pemohon untuk memastikan bahawa semua maklumat yang dinyatakan di dalam sistem adalah tepat. Sebarang maklumat yang tidak tepat akan menyebabkan kelewatan dalam proses Sijil Perakuan Insuran Kapal atau Sijil Perakuan Insuran Kapal yang dikeluarkan tidak tepat.